



NEGERI JOHOR

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 45  
No. 25

**6hb Disember 2001**

*TAMBAHAN No. 15  
PERUNDANGAN*

---

**J. P.U. 50.** AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH LALULINTAS JALAN  
(PERUNTUKAN MENGENAI TEMPAT LETAK KERETA)  
PIHAK BERKUASA TEMPATAN PASIR GUDANG 2001

---

SUSUNAN PERINTAH

Perintah:

1. Nama dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Peruntukan bagi tempat-tempat letak kereta.
4. Jenis tempat letak kereta.
5. Petak letak kereta.
6. Cara meletak kenderaan.
7. Atendantan-tempat letak kereta.
8. Pembayaran bayaran yang ditetapkan.
9. Tidak boleh meletak kereta tanpa resit.
10. Tempat letak kereta terkawal.
11. Peringatan makluman.
12. Bayaran lebih dan surc妖.
13. Pas meletak kereta.
14. Sekatan terhadap meletak kereta kali kedua dengan menggunakan resit asal.
15. Penggantungan mengenai penggunaan tempat letak kereta atau petak letak kereta.

16. Kenderaan motor yang dikecualikan.
17. Penghalangan dan pengalihan.
18. Pengalihan dan penyimpanan oleh Yang Dipertua.
19. Pemberitahuan mengenai pengalihan dan penyimpanan.
20. Keselamatan kenderaan motor lain.
21. Larangan membaiki.
22. Larangan mencuci atau membersih.
23. Kenderaan motor tidak bertunggu.
24. Orang yang dibenarkan di tempat letak kereta.
25. Larangan berdagang atau berniaga.
26. Tanggungan pemunya berdaftar.
27. Mengadakan papantanda.
28. Yang Dipertua tidak betanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan.
29. Larangan mengalih resit atau peringatan makluman.
30. Darurat.
31. Denda.

JADUAL PERTAMA.

JADUAL KEDUA.

JADUAL KETIGA.

### AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

#### PERINTAH LALULINTAS JALAN

(PERUNTUKAN MENGENAI TEMPAT LETAK KERETA)

PIHAK BERKUASA TEMPATAN PASIR GUDANG 2001

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 72, Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang sebagai Pihak Berkuasa berhubungan dengan mana-mana jalan yang terletak dalam kawasan Pihak Berkuasa tersebut dengan persetujuan Menteri dengan ini membuat Perintah yang berikut:

#### **Nama dan mula berkuatkuasa.**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Lalulintas Jalan (Peruntukan Mengenai Tempat Letak Kereta) Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang 2001** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dam *Warta*.

#### **Tafsiran.**

2. Dalam perintah ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“atendan letak kereta” ertiannya mana-mana orang yang dilantik di bawah Perintah 7 dan termasuk sesiapa yang diberikuasa oleh Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang untuk mengawal selia atau menguruskan tempat letak kereta yang ditentukan dalam jadual-jadual dan untuk memungut bayaran letak kereta;

“bas luar” ertinya sebuah bas yang biasanya berulang alik mencari sewa antara tempat-tempat yang dituju dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang dan tempat-tempat yang dituju di luar kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang;

“bayaran yang ditetapkan” ertinya bayaran yang ditetapkan dalam Jadual-jadual itu;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang;

“jam” termasuk sebahagian daripada satu jam;

“kenderaan motor” tidaklah termasuk apa-apa jua motosikal atau motor sekuter;

“letak kereta” termasuklah menunggu di dalam sesuatu petak letak kereta;

“letak kereta mengikuti kira jam” ertinya suatu tempat letak kereta yang diperihalkan dalam ruang (4) Jadual Pertama di mana sebuah kereta dibenarkan diletak apabila dibayar bayaran yang ditetapkan;

“Pihak Berkuasa” ertinya Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang;

“petak letak kereta” ertinya petak yang ditandakan di sesuatu tempat letak kereta bagi meletakkan sebuah kenderaan motor;

“teksi luar” ertinya kereta teksi yang biasanya berulang alik mencari sewa antara tempat-tempat yang dituju dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang dan tempat-tempat yang dituju di luar kawasan Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang;

“tiket letak kereta musim” ertinya resit rasmi yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang menunjukkan nombor pendaftaran kenderaan motor dan jumlah bayaran yang ditetapkan bagi meletakkan kenderaan motor itu di suatu tempat letak kereta musim yang dinyatakan bagi sesuatu tempoh sebagaimana dinyatakan dalam resit itu;

“tempat letak kereta musim” ertinya suatu tempat letak kereta yang diperihalkan dalam ruang (4) Jadual Pertama di mana hanya kenderaan motor yang telah dibeli tiket letak kereta musim baginya boleh diletakkan;

“tempat letak kereta terkawal” ertinya suatu tempat letak kereta di mana waktu masuk dan keluar dari tempat tersebut dicatatkan oleh seorang atendan letak kereta atau dengan menggunakan lain-lain alat sawat dan tempoh lamanya meletak kereta dikira dari waktu masuk sehingga waktu keluar;

“tempat letak teksi” ertinya suatu tempat letak kereta yang diperihalkan dalam Jadual Kedua di mana sesuatu teksi luar boleh diletakkan bagi maksud menanti penumpang-penumpang;

“tempat perhentian bas” ertinya suatu kawasan yang diperihalkan dalam Jadual Kedua untuk meletakkan bas dengan bayaran yang ditetapkan; dan

“tempat letak lori” ertinya suatu kawasan yang diperihalkan dalam Jadual Kedua untuk meletakkan lori dengan bayaran yang ditetapkan.

**Peruntukan bagi tempat-tempat letak kereta.**

3. (1) Yang Dipertua adalah dengan ini membuat peruntukan bahawa:
- (a) jalan, sepanjang jalan atau tempat yang dinyatakan dalam ruang  
(2) Jadual Pertama adalah tempat-tempat letak kereta bagi kenderaan motor kecuali teksi luar; dan
  - (b) jalan, sejajar jalan atau tempat yang dinyatakan dalam ruang  
(2) Jadual Kedua adalah tempat-tempat letak kereta bagi teksi luar, bas dan lori.

dan peruntukan-peruntukan Perintah ini hendaklah dipakai baginya.

(2) Tiada sesiapa pun boleh meletak apa-apa jua kenderaan motor di mana-mana pada tempat pada mana-mana jalan atau sepanjang jalan di mana atau yang di sebelahnya atau yang berdekatan dengannya ada tempat letak kereta melainkan di tempat letak kereta yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama iaitu bagi kenderaan motor kecuali teksi luar dan tempat letak kereta yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Kedua bagi teksi luar, bas dan lori.

(3) Berhubungan dengan tempat letak teksi dan tempat perhentian bas, teksi luar dan lori yang menggunakan tempat letak kereta itu hendaklah tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan patut dikenakan oleh Yang Dipertua dan sesiapa yang menggunakan tempat itu hendaklah mematuhi syarat-syarat itu.

**Jenis tempat letak kereta.**

4. (1) Dalam menyediakan sesuatu tempat letak kereta Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mempunyai budibicara untuk menetapkan dan melaksanakan jenis-jenis sistem tempat tempat letak kereta termasuk sistem letak kereta secara kupon yang disifatkan sesuai cara-cara bagaimana ianya akan dikendalikan.

(2) Pihak Berkuasa Tempatan boleh dalam mengendalikan sesuatu tempat letak kereta mengenakan apa-apa syarat yang dianggapkan sesuai yang hendaklah dituruti dan dipatuhi oleh setiap orang yang ingin menggunakan petak letak kereta yang disediakan.

**Petak letak kereta.**

5. (1) Sesuatu tempat letak kereta boleh dibagi-bahagikan kepada beberapa petak letak kereta dan bagi maksud menentukan petak-petak letak kereta itu Yang Dipertua hendaklah mengarahkan tiap-tiap satu petak kereta itu ditunjukkan dengan garisan bercat, tatahan, tanda atau lain-lain tanda.

(2) Suatu papan tanda atau papan kenyataan hendaklah didirikan di tempat letak kereta dan padanya itu hendaklah ditampalkan suatu notis menyatakan isi Perintah ini.

**Cara meletak kenderaan.**

6. (1) Sesiapa yang ingin menggunakan petak letak kereta yang disediakan oleh Majlis hendaklah meletakkan kenderaannya dalam keadaan berikut:

- (a) Kenderaan itu hendaklah berada sepenuhnya di petak letak kereta yang disediakan.
- (b) Kenderaan itu hendaklah mengikut arah lalulintas yang disediakan mengenai tempat letak kereta.

- (c) Pemandu kenderaan hendaklah mematikan enjin kenderaan sebaik sahaja berada dalam petak letak kereta dan memastikan kederaannya tidak bergerak dengan menggunakan brek tangan.
- (d) Pemandu atau sesiapa yang berkuasa ke atas kenderaan itu adalah dilarang menghidupkan enjin kenderaan atau membunyi semboyan atau lain-lain alat yang disediakan di dalam kenderaan di dalam kawasan petak kereta melainkan jika didapati perlu iaitu apabila menukar haluan kenderaan atau apabila hendak keluar daripada petak letak kereta tersebut.

(2) Mana-mana pegawai polis yang beruniform atau pegawai Majlis yang diberikan kuasa oleh Yang Dipertua termasuk mana-mana atendan letak kereta boleh mengarahkan pemandu atau orang berkuasa ke atas kenderaannya supaya mengeluarkan kenderaan itu daripada petak letak kereta atau mengubahkannya dari suatu tempat ke satu tempat yang lain di dalam petak kereta tersebut apabila diminta untuk berbuat sedemikian.

#### **Atendan-atendan tempat letak kereta.**

7. (1) Datuk Bandar boleh melantik seorang atau beberapa orang atendan tempat letak kereta untuk bertugas di sesuatu tempat letak kereta.

(2) Pihak Berkuasa Tempatan boleh melantik beberapa orang yang sesuai untuk mengawal selia atau menguruskan perlaksanaan tempat letak kereta yang disediakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan sebagaimana yang difikirkan perlu atau suaimanfaat bagi maksud Perintah ini.

(3) Bagi maksud-maksud seksyen ini, “orang” termasuk sekumpulan orang yang diperbadankan atau yang tidak diperbadankan.

#### **Pembayaran bayaran yang ditetapkan.**

8. (1) Sesiapa jua yang menggunakan suatu tempat letak kereta selain dari tempat letak kereta terkawal pada masa-masa dinyatakan dalam Jadual Pertama hendaklah mematuhi segala arahan yang sah di sisi undang-undang yang diberi kepadanya oleh mana-mana atendan letak kereta yang bertugas di tempat letak kereta itu dan hendaklah membayar bayaran yang ditetapkan itu sesudah sahaja kenderaan motor itu diletakkan dengan menyerahkan wang kepada atendan letak kereta yang bertugas yang hendaklah mengeluarkan suatu resit rasmi dan atas resit itu hendaklah ditulis nombor pendaftaran kenderaan motor itu, jumlah yang dibayar, tarikh dan masanya yang kenderaan motor itu dibenarkan diletak di tempat letak kereta itu. Atendan tempat letak kereta itu hendaklah kemudiannya menampalkan satu salinan pendua resit itu pada cermin depan atau mana-mana bahagian kenderaan motor yang mudah dilihat.

(2) Sesiapa jua yang menggunakan suatu tempat letak kereta sepanjang hari atau suatu tempat letak kereta musim bagi meletakkan sebuah kenderaan motor hendaklah mematuhi segala arahan yang sah di sisi undang-undang yang diberi kepadanya oleh mana-mana atendan letak kereta yang bertugas di tempat letak kereta itu dan sesudah sahaja kenderaan motor itu diletak-

- (a) hendaklah, iaitu mengenai suatu tempat letak kereta sepanjang hari, membayar bayaran yang ditetapkan kepada atendan letak kereta yang bertugas yang hendaklah mengeluarkan suatu resit rasmi dan atas resit itu hendaklah ditulis nombor pendaftaran kenderaan motor itu, jumlah yang dibayar dan hari yang mengenainya pembayaran itu dibuat; atau

(b) hendaklah, iaitu mengenai suatu tempat letak kereta musim, mengemukakan kepada atendan kereta yang bertugas itu untuk pemeriksaan tiket tempat letak kereta musim mengenai kenderaan motor yang diletak itu.

(3) Sesiapa juar yang menggunakan sistem letak kereta secara kupon hendaklah meletak kupon yang dikeluarkan oleh Pihak Berkusa Tempatan pada dash-board kenderaan motor yang mudah dilihat.

**Tidak boleh meletak kereta tanpa resit.**

9. Tiada sesiapa pun boleh:

(1) meletak atau menyebabkan atau membenarkan diletak apa-apa kenderaan motor di mana-mana tempat letak kereta jika seseorang atendan letak kereta ada bertugas di situ melainkan jika ia ada mempunyai resit daripada atendan letak kereta itu menunjukkan yang pembayaran itu telah dibayar;

(2) terus meletak atau menyebabkan atau membenarkan terus diletak apa-apa kereta motor dalam suatu petak letak kereta selepas habis tempoh yang kenderaan motor itu dibenarkan diletak dalam petak letak kereta itu sebagaimana dinyatakan dalam resit rasmi yang dikeluarkan oleh atendan letak kereta.

**Tempat letak kereta terkawal.**

10. (1) Seseorang yang menggunakan tempat letak kereta terkawal hendaklah memberhentikan kenderaan motornya di pintu masuk tempat tersebut bagi membolehkan atendan letak kereta mencatat keterangan-keterangan mengenai kenderaannya dan waktu masuk. Atendan letak kereta kemudian akan memberikan kepada pemandu kenderaan motor itu satu salinan tiket meletak kereta dan membenarkan pemandu itu meletakkan kenderaannya di tempat letak kereta terkawal. Adalah menjadi tanggungjawab pemandu menyimpan tiket tersebut yang mana kena menunjukkan kepada atendan letak kereta di pintu luar dan membayar kadar meletak kereta sebagaimana dinyatakan.

(2) Seseorang yang gagal menunjukkan tiket meletak kereta tersebut ketika hendaklah keluar dari tempat letak kereta hendaklah dianggap sebagai telah memasuki kawasan letak kereta itu pada waktu ia mula dibuka pada hari berkenaan dan hendaklah membayar kadar bagi tempoh masa yang dikira sehingga waktu keluar.

(3) Seseorang yang keluar daripada tempat letak kereta terkawal selepas tempat itu ditutup hendaklah membuat pembayaran dengan kadarnya dikira dari waktu ia masuk hingga waktu tempat letak kereta tersebut ditutup di mana-mana pondok bayaran letak kereta dalam masa empat belas hari dari tarikh meletak kereta. Sekiranya ia gagal membayar kadar yang ditetapkan dalam tempoh tersebut ia hendaklah dikenakan bayaran lebih tiga kali ganda dari kadar bayaran biasa yang boleh dibayar dalam tempoh empat belas hari selanjutnya.

**Peringatan makluman.**

11. (1) Jika sesebuah kenderaan motor diletak dengan melanggar perenggan 9 (1) atau (2) berhubungan dengan bayaran yang ditetapkan bagi tempoh yang mana-mana kenderaan motor itu telah diletakkan di tempat letak kereta tanpa membayar bayaran yang ditetapkan atau bagi sesuatu tempoh meletakkan lebih daripada tempoh yang dinyatakan dalam resit rasmi yang dikeluarkan oleh atendan letak kereta maka adalah menjadi kewajipan atendan letak kereta itu untuk mengeluarkan suatu peringatan makluman yang dikehendaki ditampalkan pada cermin depan atau mana-mana bahagian kenderaan motor yang mudah dilihat meminta pemunya kenderaan motor itu supaya membayar bayaran meletak kereta

yang tertentu sebelum habis tempoh empat belas hari dari tarikh peringatan makluman itu dan jika mungkir surc妖 akan dikenakan. Peringatan makluman itu hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut—

- (a) nombor pendaftaran kenderaan motor itu;
- (b) tarikh dikeluarkan;
- (c) masa dikeluarkan;
- (d) bayaran yang kena bayar;
- (e) nombor petak letak kereta.

(2) Jika kenderaan motor yang baginya suatu peringatan makluman telah dikeluarkan masih terletak selepas habis tempoh sejam dari masa dikeluarkan peringatan makluman yang terdahulu itu maka atendan letak kereta hendaklah mengeluarkan satu lagi peringatan makluman dan hendaklah terus berbuat demikian pada akhir tiap-tiap jam.

#### **Bayaran lebih dan surc妖.**

12. Sesiapa sahaja yang melakukan perbuatan bersalahan dengan Perintah 9 atau 10 hendaklah membayar kepada Yang Dipertua dalam tempoh empat belas hari dari tarikh pemberitahuan itu dan di tempat yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu—

- (1) bayaran lebih sebanyak tiga ringgit bagi tiap-tiap jam yang kenderaan motor itu telah diletakkan di tempat letak kereta tanpa membayar bayaran yang telah ditetapkan; atau
- (2) surc妖 sebanyak tiga ringgit bagi tiap-tiap tiket letak kereta yang dikeluarkan yang kenderaan motor itu terus terletak di tempat letak kereta selepas habis tempoh meletak kereta yang dibenarkan:

Dengan syarat bahawa bayaran lebih atau surc妖 itu tidaklah boleh lebih daripada tiga puluh ringgit pada mana-mana satu ketika dan boleh dibayar kepada atendan letak kereta yang bertugas yang hendaklah mengeluarkan suatu resit atau kepada Pihak Berkuasa Tempatan.

Dan lagi dengan syarat bahawa perenggan itu tidaklah dipakai jika orang yang melakukan perbuatan bersalahan dengan Perintah 10 itu membayar, tidak kurang daripada empat belas hari dari tarikh berlakunya pelanggaran itu, kepada atendan letak kereta yang bertugas atau kepada Pihak Berkuasa Tempatan, bayaran yang ditetapkan bagi mana-mana tempoh meletakkan kereta lebih daripada tempoh yang dinyatakan dalam resit rasmi yang dikeluarkan atendan letak kereta.

#### **Pas meletak kereta.**

13. Walau apapun peruntukan yang terdahulu, Yang Dipertua boleh mengeluarkan suatu pas meletak kereta dalam bentuk yang akan ditentukan oleh Yang Dipertua dengan pembayaran tidak melebihi satu ratus lima puluh ringgit sebulan, dan pas itu, apabila dikeluarkan akan membolehkan kereta itu diletak di mana-mana tempat letak kereta, kecuali tempat letak kereta bermusim, tanpa dikenakan apa-apa bayaran kadar tambahan.

**Sekatan terhadap meletak kereta kali keduanya dengan menggunakan resit asal.**

14. (1) Tiada siapa pun yang telah mengalihkan kereta motornya dari suatu petak letak kereta sebelum habis tempoh yang dibenarkan bagi meletakkan kereta itu berhak meletak kereta itu dalam petak letak kereta yang itu juga kali keduanya tanpa membayar lagi bayaran yang ditetapkan walaupun tempoh asal yang dibenarkan itu belum habis.

(2) Peruntukan-peruntukan perenggan (1) tidaklah dipakai bagi pemegang tiket tempat letak kereta musim yang sah meletakkan kereta motor di tempat letak kereta musim atau di tempat letak kereta secara kupon.

**Penggantungan mengenai penggunaan tempat letak kereta atau petak letak kereta.**

15. (1) Yang Dipertua boleh menggantung penggunaan sesuatu tempat atau petak letak kereta bila-bila masa difikirkan penggantungan itu sebagai munasabah perlu—

- (a) bagi maksud aliran lalulintas atau memajukan keselamatan lalulintas;
- (b) bagi maksud apa-apa gerakan membina, kerja meroboh atau mengorek yang berdampingan dengan petak letak kereta atau menyenggara, memaju atau membina semula tempat letak kereta atau memasang, mendirikan, mengubahkan atau membaiki mana-mana betung atau mana-mana kabel paip sesalur atau radas untuk membekalkan air atau elektrik atau mana-mana talian telegraf dalam petak letak kereta itu atau berdampingan dengannya;
- (c) untuk menyenangkan penduduk-penduduk premis yang berdampingan dengan tempat letak kereta itu pada bila-bila masa mengalih atau menyerahkan perabot dari atau ke mana-mana premis itu;
- (d) pada bila-bila masa mungkin disebabkan oleh kerana sesuatu pertunjukan khas yang mana jalan-jalan itu akan menjadi sesak atau terhalang;
- (e) untuk menyenangkan penduduk premis yang berdampingan dengan petak letak kereta pada masa perkahwinan khas yang lain; atau
- (f) kerana apa-apa sebab lain sebagaimana difikirkan patut oleh Yang Dipertua.

(2) Atas sesuatu penggantungan tersebut di atas seseorang wakil Yang Dipertua yang diberikuasa dengan sempurna hendaklah menampalkan suatu notis tertentu di petak letak kereta yang berkenaan atau dekat dengannya dan adalah menyalahi undang-undang bagi sesiapa jua meletakkan apa-apa kereta motor di tempat atau dalam petak letak kereta itu kecuali bagi sesuatu maksud yang penggantungan itu telah dibuat.

**Kenderaan motor yang dikecualikan.**

16. Perintah ini tidak dipakai bagi—

- (a) mana-mana ambulans atau mana-mana kenderaan motor bomba atau apa-apa juga kenderaan motor digunakan oleh Tentera Darat atau Pejabat Pos;

- (b) apa-apa jua kenderaan motor yang digunakan oleh mana-mana pihak berkuasa yang dibenarkan oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis, atau di bawah mana-mana perintah yang mempunyai kuatkuasa mana-mana undang-undang bertulis, untuk membina, mendirikan atau menjalankan pekerjaan mengenai elektrik, air atau lain-lain pekerjaan awam, setakat mana kenderaan itu digunakan untuk membina, mendirikan atau menjalankan pekerjaan mengenainya itu; dan
- (c) sesebuah kenderaan motor telah diarahkan ke suatu petak letak kereta oleh seorang pegawai polis beruniform dalam masa ia menjalankan tugasnya.

### **Penghalangan dan pengalihan.**

17. (1) Tiada sesiapa pun boleh menghalang atau menyebabkan terhalang mana-mana petak letak kereta.

(2) Seseorang atendan letak kereta atau sesiapa jua yang diberikuasa bagi maksud itu oleh Yang Dipertua boleh mengalihkan apa-apa benda yang menyebabkan penghalangan tersebut di atas; dan pemunya atau pemunya-pemunya itu boleh dalam tempoh dua puluh satu hari pengalihan itu, kepada Yang Dipertua belanja mengalihkan dan menjaga benda itu.

(3) Yang Dipertua boleh pada bila-bila masa menjualkan benda yang tersebut di atas jika benda itu ialah dari jenis yang tidak tahan lama dan juga menjualkan benda yang tahan lama selepas dua puluh satu hari yang berkenaan itu dan hasilan dari penjualan itu hendaklah dipulangkan kepada pemunya dengan ditolak belanja yang tersebut dalam perenggan (2) dan apa-apa belanja lain yang dilakukan berkaitan dengan penjualan itu; dan jika sekiranya pemunya benda itu tidak dapat dipastikan, hasilan yang disebut itu boleh dikreditkan kepada hasil Pihak Berkuasa Tempatan selepas dua belas bulan dari tarikh penjualan itu.

(4) Yang Dipertua tidaklah bertanggungjawab atas apa-apa kerosakan yang berlaku kepada benda itu dalam masa pengalihannya dan semasa dalam jagaan Yang Dipertua.

### **Pengalihan dan penyimpanan oleh Yang Dipertua.**

18. (1) Jika oleh kerana sesuatu sebab kenderaan motor lain daripada kenderaan motor yang diletak dalam petak letak kereta yang bagi suatu tiket kereta musim dikeluarkan telah ditinggalkan di tempat letak kereta selama lebih daripada dua hari maka Yang Dipertua boleh mengarahkan kenderaan itu dialih dari tempat letak kereta itu ke suatu tempat yang selamat dan disimpan di situ sehingga dilepaskan dengan perintah Yang Dipertua.

(2) Yang Dipertua boleh menyimpan kenderaan motor itu sehingga bayaran-bayaran yang ditetapkan bagi tempoh yang tidak dibayar hingga masa kenderaan itu dialih dari tempat letak kereta atau segala belanja munasabah yang dilakukan pada melaksanakan peruntukan-peruntukan perenggan ini telah dibayar balik kepada Yang Dipertua.

(3) Yang Dipertua tidaklah bertanggungjawab atas apa-apa kerosakan kepada kenderaan motor itu atau atas-atas apa-apa kehilangan atau kerosakan kepada kelengkapan atau kandungan mana-mana kenderaan motor yang dialih dan disimpan oleh Yang Dipertua bawah peruntukan-peruntukan perenggan ini.

**Pemberitahuan mengenai pengalihan dan penyimpanan.**

19. Apabila sesuatu benda atau sebuah kenderaan motor dialih atau disimpan mengikut peruntukan-peruntukan Perintah 17 atau 18, Yang Dipertua hendaklah dengan seberapa segera yang munasabah memberi notis bertulis kepada pemunya tentang pengalihan dan penyimpanan benda atau kenderaan motor itu jika nama dan alamat pemunya diketahui.

**Keselamatan kenderaan motor lain.**

20. Kenderaan motor dalam kawasan sesuatu tempat letak kereta tidak boleh ditarik, dipandu atau ditolak kecuali dengan cara yang teratur dan berhemat dan dengan mengambil perhatian terhadap keselamatan kenderaan motor lain dan orang-orang dalam kawasan tempat letak kereta itu.

**Larangan membaiki.**

21. Tiada seseiapa pun boleh membaiki sesebuah kenderaan motor atau membenarkan sesebuah kenderaan motor dibaiki di tempat letak kereta kecuali jika membaikinya adalah perlu untuk membolehkan kenderaan itu dialih dari tempat letak kereta itu.

**Larangan mencuci atau membersih.**

22. Tiada sesiapa pun boleh mencuci atau membersihkan atau menyebabkan atau membenarkan dicuci atau dibersihkan mana-mana kenderaan motor di tempat letak kereta.

**Kenderaan motor tidak bertunggu.**

23. Kenderaan motor di sesuatu tempat letak kereta tidak boleh dibiarkan tidak bertunggu melainkan jika kenderaan itu tidak dapat dialih dengan menggunakan brek atau dengan apa-apa cara lain yang mencukupi.

**Orang yang dibenarkan di tempat letak kereta.**

24. Tiada sesiapa pun kecuali seseorang atendan letak kereta atau pemunya atau drebar atau penumpang sesebuah kenderaan motor yang terletak di tempat kereta boleh berada atau tinggal di tempat letak kereta itu.

**Larangan berdagang atau berniaga.**

25. Tiada sesiapa pun boleh mengguna mana-mana kenderaan motor yang terletak dalam petak kereta bagi maksud menjalankan apa-apa perdagangan atau perniagaan.

**Tanggungan pemunya berdaftar.**

26. Dalam hal-hal mengenai pelanggaran atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Perintah ini pemunya berdaftar melanggar kenderaan motor itu hendaklah dianggapkan sebagai telah atau tidak mematuhi peruntukan-peruntukan itu jika orang (iaitu bukannya pemunya berdaftar) yang sebenarnya melanggar atau tidak mematuhi peruntukan atau peruntukan-peruntukan itu tidak diketahui atau tidak dijumpai.

**Mengadakan papantanda.**

27. Yang Dipertua hendaklah mengadakan suatu atau beberapa papantanda di tiap-tiap satu tempat letak kereta menunjukkan sama ada tempat itu tempat letak kereta musim, tempat letak kereta secara kupon atau tempat letak kereta mengikut kira jam dan boleh mendirikan apa-apa tanda dan isyarat sebagaimana yang difikirkannya perlu untuk mengarahkan atau mengatur kenderaan-kenderaan motor dalam kawasan tempat letak kereta itu.

**Yang Dipertua tidak bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan.**

28. Yang Dipertua tidaklah bertanggungjawab atas apa-apa kehilangan atau kerosakan kepada mana-mana kenderaan motor atau kelengkapan atau kandungan mana-mana kenderaan motor yang terletak di mana-mana tempat letak kereta.

**Larangan mengalih resit atau peringatan makluman.**

29. Tiada sesiapa pun kecuali seseorang yang diberikuasa oleh Yang Dipertua boleh mengalih atau menyebabkan dialih apa-apa resit atau peringatan makluman yang dikeluarkan oleh seorang atendan letak kereta dan yang ditampalkan pada cermin depan atau mana-mana bahagian kenderaan motor yang mudah dilihat semasa terletak di mana-mana tempat atau petak letak kereta.

**Darurat.**

30. Dalam masa darurat, sesiapa juga yang diberikuasa bagi maksud itu oleh Yang Dipertua, atau mana-mana pegawai polis beruniform boleh mengalih atau menyebabkan dialih mana-mana petak letak kereta ke mana-mana tempat yang difikirkan patut.

**Denda.**

31. (1) Sesiapa jua yang tanpa alasan yang sah melanggar mana-mana peruntukan Perintah ini adalah melakukan suatu kesalahan di bawah subseksyen 72(7) Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan apabila disabitkan oleh Mahkamah Majistret boleh dikenakan dengan tidak lebih daripada seratus ringgit dan selain dari itu hendaklah membayar kepada Yang Dipertua apa-apa bayaran lebih atau surcaj yang te hutang dan kena dibayar di bawah peruntukan-peruntukan Perintah ini.

**JADUAL PERTAMA**

*[Perintah 2, 3 dan 8]*

No.	Tempat	Bayaran Letak Kereta Yang Ditetapkan	Jenis Tempat Letak Kereta	Masa-masa Dikawal
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
1.	Jalan Timah, Jalan Timah 1, 2 dan 3.	40 sen bagi sejam yang pertama dan 40 sen bagi tiap-tiap jam berikutnya atau RM40.00 sebulan.	Letak Kereta Kiraan Jam atau Bermusim	Lihat Nota A

No.	Tempat	Bayaran Letak Kereta Yang Ditetapkan	Jenis Tempat Letak Kereta	Masa-masa Dikawal
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
2.	Jalan Suasa, Suasa 1 dan 2.	40 sen bagi sejam yang pertama dan 40 sen bagi tiap-tiap jam berikutnya atau RM40.00 sebulan.	Letak Kereta Kiraan Jam atau Bermusim	Lihat Nota A
3.	Jalan Besi, Jalan Besi 1 dan 2.	40 sen bagi sejam yang pertama dan 40 sen bagi tiap-tiap jam berikutnya atau RM40.00 sebulan.	Letak Kereta Kiraan Jam atau Bermusim	Lihat Nota A
4.	Jalan Pekeliling.	40 sen bagi sejam yang pertama dan 40 sen bagi tiap-tiap jam berikutnya atau RM40.00 sebulan.	Letak Kereta Kiraan Jam atau Bermusim	Lihat Nota A
5.	Jalan Gangsa, Jalan Gangsa 1 dan 2.	40 sen bagi sejam yang pertama dan 40 sen bagi tiap-tiap jam berikutnya atau RM40.00 sebulan.	Letak Kereta Kiraan Jam atau Bermusim	Lihat Nota A
6.	Jalan Tembaga, Jalan Tembaga 1, 2, 3 dan 4.	40 sen bagi sejam yang pertama dan 40 sen bagi tiap-tiap jam berikutnya atau RM40.00 sebulan.	Letak Kereta Kiraan Jam atau Bermusim	Lihat Nota A
7.	Jalan Emas 1, 2 dan 3.	40 sen bagi sejam yang pertama dan 40 sen bagi tiap-tiap jam berikutnya atau RM40.00 sebulan.	Letak Kereta Kiraan Jam atau Bermusim	Lihat Nota A
8.	Jalan Perak, Jalan Perak 1, 2, 3 dan 4.	40 sen bagi sejam yang pertama dan 40 sen bagi tiap-tiap jam berikutnya atau RM40.00 sebulan.	Letak Kereta Kiraan Jam atau Bermusim	Lihat Nota A
9.	Jalan Besar.	40 sen bagi sejam yang pertama dan 40 sen bagi tiap-tiap jam berikutnya atau RM40.00 sebulan.	Letak Kereta Kiraan Jam atau Bermusim	Lihat Nota A
10.	Jalan Pasir Gudang.	40 sen bagi sejam yang pertama dan 40 sen bagi tiap-tiap jam berikutnya atau RM40.00 sebulan.	Letak Kereta Kiraan Jam atau Bermusim	Lihat Nota A
11.	Jalan Kompleks.	40 sen bagi sejam yang pertama dan 40 sen bagi tiap-tiap jam berikutnya atau RM40.00 sebulan.	Letak Kereta Kiraan Jam atau Bermusim	Lihat Nota A
12.	Jalan Bandar.	40 sen bagi sejam yang pertama dan 40 sen bagi tiap-tiap jam berikutnya atau RM40.00 sebulan.	Letak Kereta Kiraan Jam atau Bermusim	Lihat Nota A

No.	Tempat	Bayaran Letak Kereta Yang Ditetapkan	Jenis Tempat Letak Kereta	Masa-masa Dikawal
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
13.	Jalan Masjid.	40 sen bagi sejam yang pertama dan 40 sen bagi tiap-tiap jam berikutnya atau RM40.00 sebulan.	Letak Kereta Kiraan Jam atau Bermusim	Lihat Nota A
14.	Jalan Mawar, Jalan Mawar Biru, Jalan Mawar Merah dan Jalan Mawar Putih.	40 sen bagi sejam yang pertama dan 40 sen bagi tiap-tiap jam berikutnya atau RM40.00 sebulan.	Letak Kereta Kiraan Jam atau Bermusim	Lihat Nota A
15.	Jalan Persiaran Cendana.	40 sen bagi sejam yang pertama dan 40 sen bagi tiap-tiap jam berikutnya atau RM40.00 sebulan.	Letak Kereta Kiraan Jam atau Bermusim	Lihat Nota A
16.	Jalan Litar.	40 sen bagi sejam yang pertama dan 40 sen bagi tiap-tiap jam berikutnya atau RM40.00 sebulan.	Letak Kereta Kiraan Jam atau Bermusim	Lihat Nota A
17.	Jalan Pasir Putih.	40 sen bagi sejam yang pertama dan 40 sen bagi tiap-tiap jam berikutnya atau RM40.00 sebulan.	Letak Kereta Kiraan Jam atau Bermusim	Lihat Nota A
18.	Jalan Siakap.	40 sen bagi sejam yang pertama dan 40 sen bagi tiap-tiap jam berikutnya atau RM40.00 sebulan.	Letak Kereta Kiraan Jam atau Bermusim	Lihat Nota A
19.	Jalan Ibu Pejabat.	40 sen bagi sejam yang pertama dan 40 sen bagi tiap-tiap jam berikutnya atau RM40.00 sebulan.	Letak Kereta Kiraan Jam atau Bermusim	Lihat Nota A
20.	Lorong ZPB 4, Lorong ZPB 4/1 dan Lorong ZPB 7.	40 sen bagi sejam yang pertama dan 40 sen bagi tiap-tiap jam berikutnya atau RM40.00 sebulan.	Letak Kereta Kiraan Jam atau Bermusim	Lihat Nota A
21.	Jalan Keluli, Jalan Keluli 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11 dan 12.	40 sen bagi sejam yang pertama dan 40 sen bagi tiap-tiap jam berikutnya atau RM40.00 sebulan.	Letak Kereta Kiraan Jam atau Bermusim	Lihat Nota A
22.	Jalan MIEL 1 dan 2.	40 sen bagi sejam yang pertama dan 40 sen bagi tiap-tiap jam berikutnya atau RM40.00 sebulan.	Letak Kereta Kiraan Jam atau Bermusim	Lihat Nota A
23.	Jalan Simen.	40 sen bagi sejam yang pertama dan 40 sen bagi tiap-tiap jam berikutnya atau RM40.00 sebulan	Letak Kereta Kiraan Jam atau Bermusim	Lihat Nota A

No.	Tempat	Bayaran Letak Kereta Yang Ditetapkan	Jenis Tempat Letak Kereta	Masa-masa Dikawal
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
24.	Jalan Cecair.	40 sen bagi sejam yang pertama dan 40 sen bagi tiap-tiap jam berikutnya atau RM40.00 sebulan.	Letak Kereta Kiraan Jam atau Bermusim	Lihat Nota A
25.	Lorong Sawit 1 dan Lorong Sawit 2.	40 sen bagi sejam yang pertama dan 40 sen bagi tiap-tiap jam berikutnya atau RM40.00 sebulan.	Letak Kereta Kiraan Jam atau Bermusim	Lihat Nota A
26.	Jalan Dermaga, Jalan Dermaga 1, 2, 3 dan 4.	40 sen bagi sejam yang pertama dan 40 sen bagi tiap-tiap jam berikutnya atau RM40.00 sebulan.	Letak Kereta Kiraan Jam atau Bermusim	Lihat Nota A
27.	Jalan Pelabuhan.	40 sen bagi sejam yang pertama dan 40 sen bagi tiap-tiap jam berikutnya atau RM40.00 sebulan.	Letak Kereta Kiraan Jam atau Bermusim	Lihat Nota A
28.	Jalan Pukal.	40 sen bagi sejam yang pertama dan 40 sen bagi tiap-tiap jam berikutnya atau RM40.00 sebulan.	Letak Kereta Kiraan Jam atau Bermusim	Lihat Nota A
29.	Lorong Pukal 1 dan 2.	40 sen bagi sejam yang pertama dan 40 sen bagi tiap-tiap jam berikutnya atau RM40.00 sebulan.	Letak Kereta Kiraan Jam atau Bermusim	Lihat Nota A
30.	Jalan Kontena.	40 sen bagi sejam yang pertama dan 40 sen bagi tiap-tiap jam berikutnya atau RM40.00 sebulan.	Letak Kereta Kiraan Jam atau Bermusim	Lihat Nota A
31.	Lorong Gudang 1, Lorong Gudang 2 dan Lorong Gudang 3.	40 sen bagi sejam yang pertama dan 40 sen bagi tiap-tiap jam berikutnya atau RM40.00 sebulan.	Letak Kereta Kiraan Jam atau Bermusim	Lihat Nota A
32.	Jalan Gudang, Jalan Gudang 1 dan Jalan Gudang 2.	40 sen bagi sejam yang pertama dan 40 sen bagi tiap-tiap jam berikutnya atau RM40.00 sebulan.	Letak Kereta Kiraan Jam atau Bermusim	Lihat Nota A
33.	Jalan-jalan berhadapan kilang, rumah kediaman, tanah lapang dan padang permainan dalam kawasan kediaman dan taman perumahan.	50 sen sejam atau RM50.00 sebulan.	Letak Kereta Kiraan Jam atau Bermusim	Lihat Nota A

No.	Tempat	Bayaran Letak Kereta Yang Ditetapkan	Jenis Tempat Letak Kereta	Masa-masa Dikawal
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
34.	Kompleks Pusat Bandar.	40 sen sejam atau RM40.00 sebulan.	Letak Kereta Kiraan Jam atau Bermusim	Lihat Nota B
35.	Perkedaian Perjiranan 8.	40 sen sejam atau RM40.00 sebulan.	Letak Kereta Kiraan Jam atau Bermusim	Lihat Nota B
36.	Perkedaian Perjiranan 9.	40 sen sejam atau RM40.00 sebulan.	Letak Kereta Kiraan Jam atau Bermusim	Lihat Nota B
37.	Perkedaian Perjiranan 10.	40 sen sejam atau RM40.00 sebulan.	Letak Kereta Kiraan Jam atau Bermusim	Lihat Nota B
38.	Perkedaian Taman Pasir Putih.	40 sen sejam.	Letak Kereta Kiraan Jam atau Bermusim	Lihat Nota B
39.	Medan Selera Perjiranan 9.	40 sen sejam.	Kiraan Jam	Lihat Nota B
40.	Gerai Makan Jalan Timah.	40 sen sejam.	Kiraan Jam	Lihat Nota B
41.	Gerai Makan Jalan Perak.		Kiraan Jam	Lihat Nota B

**JADUAL KEDUA***[Perintah 2 dan 3]*

No.	Tempat	Bayaran Letak Kereta Yang Ditetapkan	Jenis Tempat Letak Kereta	Masa-masa Dikawal
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
1.	Perhentian Teksi Pusat Bandar	RM1.00	Perhentian Teksi	Lihat Nota B
2.	Perhentian Bas Pusat Bandar	RM2.00 sebulan bagi sepetak untuk bas-bas yang didaftarkan di Malaysia	Perhentian Bas	Lihat Nota C
3.	Hentian Lori	RM1.00 sejam/RM5.00 Bayaran maksima/ RM200.00 sebulan	Hentian Lori	Lihat Nota C

Nota A – Antara pukul 6.00 pagi dan 10.00 malam pada mana-mana hari kecuali hari kelepasan am.

Nota B – Antara pukul 6.00 pagi dan 12.00 tengah malam pada mana-mana hari.

Nota C – 24 jam pada mana-mana hari.

## JADUAL KETIGA

*[Perintah 18(2)]*

## Bayaran Pengalihan

No.	Jenis Kenderaan	Caj Pemindahan
(1)	(2)	(3)
1.	Motosikal, motosikal beroda tiga	RM30.00
2.	Kereta	RM80.00
3.	Van	RM100.00
4.	Lori/Bas	RM200.00

Bertarikh pada 17hb Oktober 2001.

[PBTPG PHA 2/22 Jld. 3: KT 58/27, PUNJ 147(7) Jld. 6(E)(5)]

TAN SRI DATO' MUHAMMAD ALI HASHIM,  
*Yang Dipertua,*  
*Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang*

Disahkan pada 17hb Oktober 2001.

HAJI MOHAMAD BIN HJ. KARIM,  
*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan  
 Johor*

## ROAD TRANSPORT ACT 1987

ROAD TRAFFIC (PROVISION OF PARKING PLACES)  
 PASIR GUDANG LOCAL AUTHORITY ORDER 2001

ARRANGEMENT OF ORDER

## Order:

1. Citation and commencement.
2. Interpretation.
3. Provision of parking places.
4. Types of parking place.
5. Parking spaces.
6. Mode of parking.
7. Parking attendants.
8. Payment of prescribed charge.

- 
9. No parking without receipt.
  10. Controlled parking place.
  11. Advice note.
  12. Excess charge and surcharge.
  13. Parking pass.
  14. Restriction against second time on original receipt.
  15. Suspension of use of parking place and space.
  16. Motor vehicles exempted.
  17. Obstruction and removal thereof.
  18. Removal and safe custody by the President.
  19. Notification of removal and safe custody.
  20. Safety of other motor vehicles.
  21. Prohibition on repairs.
  22. Prohibition of washing or cleaning.
  23. Unattended motor vehicles.
  24. Persons permitted in parking place.
  25. Prohibition of trade or business.
  26. Registered owner's liability.
  27. Provision for signboards.
  28. President not liable for loss or damage.
  29. Prohibition on removal of receipt or advice note.
  30. Emergency.
  31. Penalties.

FIRST SCHEDULE.

SECOND SCHEDULE.

THIRD SCHEDULE.

## ROAD TRANSPORT ACT 1987

### ROAD TRAFFIC (PROVISION OF PARKING PLACES) PASIR GUDANG LOCAL AUTHORITY ORDER 2001

In exercise of the powers conferred by section 72 of the Road Transport Act 1987 [*Act 333*], the Pasir Gudang Local Authority, being the appropriate authority in respect of roads situated in the Local Authority area with the concurrence of the Minister, hereby, make the following Order:

**Citation and commencement.**

1. This Order may be cited as the **Road Traffic (Provision of Parking Places) Pasir Gudang Local Authority Order 2001** and shall come into force on the date of its publication in the *Gazette*.

**Interpretation.**

2. In this Order, unless the context otherwise requires—

“parking attendant” means any person appointed under order 7 and includes any person authorised by or on behalf of the Local Authority to supervise or manage the parking places specified in the Schedules and to collect parking charges;

“outstation bus” means a bus which in the usual course of business plies for hire to and fro between destination within the boundary of the Local Authority of Pasir Gudang and destinations outside the said boundary of the Local Authority of Pasir Gudang;

“prescribed charge” means the charge prescribed in the Schedules;

“President” means the President of Pasir Gudang Local Authority;

“hour” includes part of an hour;

“motor vehicle” does not include any two wheeled motor cycle or motor scooter;

“parking” includes waiting in a parking space;

“hourly parking” means a parking place described in column (4) of the First Schedule, wherein a motor vehicle is allowed to be parked on payment of the prescribed charges;

“Local Authority” means the Pasir Gudang Local Authority;

“parking space” means the space marked out in a parking place for the parking of one motor vehicle;

“outstation taxi” means a taxi cab or hire car which in the usual course of business plies for hire to and fro between destinations within the boundary of the Local Authority of Pasir Gudang and destinations outside the said boundary of the Local Authority of Pasir Gudang;

“season parking ticket” means the official receipt issued by the Local Authority showing the registration number of a motor vehicle and the amount of the prescribed charge for the parking of such vehicle in a specified season parking place for any period as may be stated therein;

“season parking place” means a parking place described in column (4) of the First Schedule wherein may be parked only motor vehicle in respect of which a season parking ticket has been purchased;

“controlled parking place” means a parking where the time of entry into and departure from such place is recorded by a parking attendant or by some other mechanical device and the period of parking is calculated therefrom;

